

‘Kalau salah guna, kesannya lebih memudaratkan’

Kuala Lumpur: Pakar kesihatan memberi amaran orang ramai tidak terperdaya dengan kesan ‘ajaib’ suntikan mengandungi bahan aktif semaglutide tanpa pemantauan profesional.

Pakar Endokrin dari Fakulti Perubatan, Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Dr Rohana Abdul Ghani menegaskan bahawa ubat itu bukanlah untuk tujuan kosmetik.

“Ia bukan ubat magik untuk kurus, ia hanya sesuai untuk pesakit diabetes jenis 2 dan tidak sesuai digunakan oleh individu yang tiada diabetes,” katanya.

Beliau memberi amaran mengenai kesan sampingan serius jika ubat itu digunakan secara tidak wajar antaranya muntah, cirit-birit, sembelit, sakit perut, pankreatitis, penglihatan kabur, paras gula terlalu rendah, masalah buah pinggang dan gangguan pada pundi hempedu.

“Setakat ini tiada peraturan mengawal penggunaan ubat ini dalam kalangan individu tanpa diabetes, jadi wujud kebimbangan jika ada pihak tidak bertauliah menawarkannya untuk penurunan berat badan tanpa kawalan sewajarnya.

“Kita tidak mahu ada pengguna menganggap ia jalan mudah dan sanggup bayar mahal kerana mahu kurus dengan cepat sedangkan ubat ini bukan dicipta untuk itu,” katanya..

Dr Rohana berkata, tiada jalan pintas untuk menurunkan berat badan secara drastik.

“Kunci kepada pengurusan berat badan tetap bergantung kepada perubahan gaya hidup dan pemakanan. Ubat hanya membantu jika digunakan dengan betul dan dalam situasi

yang tepat.

“Kalau salah guna, kesannya boleh lebih memudaratkan daripada membantu,” katanya.

Sementara itu, Pakar Dietetik dari Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Barakatun Nisak Mohd Yusof berkata, penggunaan ubat itu dalam kalangan pesakit diabetes jenis 2 yang mengalami obesiti boleh memberi manfaat selagi ia berdasarkan indikasi klinikal dan dipantau secara ketat oleh pasukan kesihatan.

“Sebagai dietitian, saya menyokong penggunaan ubat ini sebagai sebahagian daripada rawatan multidisiplin untuk pesakit

diabetes jenis 2 yang juga mengalami obesiti, tetapi ia bukan jalan pintas. Keberkesanan jangka panjang sangat bergantung kepada perubahan gaya hidup dan pemakanan.

“Ubat ini mampu menekan selera makan namun tanpa bimbingan pemakanan yang betul, pesakit berisiko mengalami kesan negatif seperti kehilangan otot, kekurangan tenaga, zat besi, vitamin B12, kalsium dan lain-lain nutrien penting.

“Kami pastikan pesakit faham cara makan sihat, menyesuaikan pemakanan dengan kesan ubat, serta mengekalkan jisim otot semasa proses penurunan berat badan,” katanya.

Walaupun ubat itu tidak menyebabkan gangguan makan secara langsung, beliau menjelaskan bahawa apabila pengambilan dihentikan, selera makan boleh melonjak semula secara mendadak.

“Justeru, pesakit perlu dididik dari awal agar perubahan gaya hidup kekal konsisten,” katanya.

**“
Pesakit berisiko mengalami kesan kehilangan otot, kekurangan tenaga
Dr Rohana**